


Bab 3 : Ketinggian dan Keratan Rentas dalam Peta Topografi

3.1 Mengenal Pasti Ketinggian Berdasarkan Simbol


- Ketinggian sesuatu tempat diukur dari aras laut menggunakan meter.
- Cara utk menentukan ketinggian :



Kontur

Garis yang dilukis bagi menyambung titik – titik yg sama ketinggian dari aras laut.

Langkah menyambung titik – titik yg sama ketinggian :



Garis Kontur :

- ☞ Maksud : Garis yang dilukis untuk menyambungkan semua tempat yang mempunyai sama ketinggian dari aras laut.
- ☞ Selang kontur ialah perbezaan ketinggian di antara dua garisan kontur yang berturutan. Selang kontur peta di bwh ialah 20 meter.
- ☞ Garis kontur indeks ialah garis yang dilukis lebih tebal slps empat garisan kontur biasa. Cth : Kontur indeks yg mempunyai ketinggian 100 meter dari aras laut di RG 5600.





Tanda Aras

- Tanda aras atau batu aras berfungsi utk menunjukkan ketinggian sesuatu tempat sebenar di permukaan bumi. Menunjukkan ketinggian sprt jln raya, jln kereta api dan jambatan di dlm peta topografi.

← 7.6

Titik Ketinggian


- Menunjukkan ketinggian sesuatu tempat dri aras laut.
- Sesuai utk menunjukkan ketinggian sesuatu kwsn yg tiada garisan kontur, puncak bukit atau gunung.

• 79



Warna

- Digunakan utk menunjukkan perbezaan ketinggian di dlm peta topografi.
- Biru : Kwsn berair (sg, tasik dan laut).
- Hijau : Kwsn tanah pamah.
- Jingga : Kwsn yg lebih tinggi sprt bukit dan gunung yg mnggunakn simbol garisan kontur.



Stesen Trigonometri


- Fungsi : Menunjukkan jaringan kwlan ketinggian.
- Biasanya digunakan utk menunjukkan lokasi dan ketinggian puncak bukit dan gunung.




3.2 Melukis Keratan Rentas Berdasarkan Garisan Kontur

- Keratan rentas ialah profil bentuk muka bumi di sejpg satu garisan pd peta topografi.
- Melalui keratan rentas, pandangan sisi bentuk muka bumi dpt dilihat dgn jelas dan blh membantu utk mentafsir bentuk muka bumi sesuatu kwsn dgn lebih tepat.


i Tandakan lokasi titik A dan titik B pada keratan rentas. Buat garis lurus dari titik A hingga titik B seperti Rajah 3.2(a).



ii Letakkan sejalur kertas di sepanjang garisan A dan B. Tandakan nilai ketinggian bagi setiap kontur pada jalur kertas tersebut seperti Rajah 3.2(b).





- iii Sediakan kertas graf
- Lukis paksi Y
Pilih skala tegak yang sesuai untuk menggambarkan sela tinggi kontur. Contoh 1 cm mewakili 50 m. Kemudian nomborkan garisan paksi Y mengikut ketinggian kontur dengan jarak yang sama.
 - Lukis paksi X
Buat skala mendatar sama dengan skala dalam peta. Jarak AB atas graf adalah sama dengan jarak AB dalam peta.




- iv Letak jalur kertas seperti Rajah 3.2 (d). Kemudian, dari setiap titik yang bertanda, lukis garisan tegak sehingga sama dengan ketinggian garisan kontur.

- v Sambungkan setiap tanda X pada setiap garisan tegak untuk mendapatkan keratan rentas AB.




3.3 Membezakan Bentuk Muka Bumi Berdasarkan Keratan Rentas

- Bentuk muka bumi sesuatu kwsn blh dikenal pasti berdsrkan susunan kontur dan jarak antara kontur pd peta topografi.



Cerun cekung mempunyai susunan kontur pd bahagian tinggi yg rapat dan susunan kontur pd bahagian rendah pula jarang.

Cerun cembung mempunyai susunan kontur pd bahagian tinggi yg jarang dan susunan kontur pd bahagian rendah pula rapat.




Cerun seragam : Susunan jarak yg hampir sama di antara garisan kontur.

Pelana : Lekukan cetek di antara dua puncak.

Kol : Lekukan sempit di antara dua rabung yg menjd legeh dua btg sungai.


Cerun bertangga : Susunan kontur yg rapat dan berselang – seli dgn kontur yg jarang menyebabkan keretan rentasnya sprt tangga.



- Tebing tinggi : Susunan kontur yg sgt rapat dan bertindih.
- Cerun tebing tinggi : Sgt curam dan hampir tegak.
- Cth : Pulau Langkawi (Kedah), Cape Rachado (Melaka).

Lurah


- Kwsn tanah rendah yg terletak di antara kwsn tanah tinggi dan mempunyai aliran sg.
- Susunan kontur lurah : V.



Sungai Deva di Cantabria (Spanyol).

Genting


- Laluan sempit dan dlm yg merentangi legeh dan terletak di antara dua kontur tanah tinggi.



Sungai Yellowstone (Amerika Syarikat).

Dataran Tinggi


- Ada kemuncak yg hampir rata dan pinggirnya curam.
- Susunan kontur sgt rapat di bahagian sisi. Cth : Dataran Tinggi Korat (Thailand).



Dataran Tinggi di Grand Canyon (Amerika Syarikat).

Rabung

- Tanah tinggi yg panjang dan sempit.
- Susunan kontur memanjang dan rapat.
- Cth : Raung di Pergunungan Alps yg merentasi beberapa negara spt Perancis, Switzerland, Itali dan Jerman.



Rabung di Pergunungan Alps.